

Perkhidmatan kesihatan perlu **sesuai** dengan masalah **PM**



KUALA LUMPUR 6 Nov. — Perancangan perkhidmatan kesihatan perlu disesuaikan dengan perubahan keadaan dan masalah, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perkhidmatan kesihatan merupakan sebahagian daripada aspek penting dalam rancangan pembangunan sosial negara dan sehubungan dengan ini, rakyat hendaklah mudah menikmati kemudahan kesihatan moden demi meningkatkan taraf hidup, kata beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berucap demikian pada majlis jamuan Kongres Ke-7 Pakar - Pakar Bius ASEAN di sini malam ini.

Beliau berkata: "Kita perlu bersikap inovasi dan mencari cara baru bagi memperbaiki perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara masing-masing dalam usaha menyedikan program jagaan pesakit yang berkesan."

Pagi tadi, isterinya, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menyampaikan ucapan dasar pada kongres lima hari itu yang dihadiri sebanyak 350 orang wakil dari 24 buah negara.

Perdana Menteri berkata, sejak merdeka Malaysia telah mencapai kemajuan besar dalam konteks meningkatkan kemudahan perubatan dan penjagaan kesihatan ke-

pada penduduknya.

Kadar kematian bayi menurun dari 75.5 peratus bagi 1,000 kelahiran pada 1957 kepada 13.2 peratus pada 1989 sementara kadar kematian ibu menurun daripada 2.8 peratus bagi 1,000 kelahiran kepada 0.2 peratus.

Kadar hayat meningkat daripada 55.8 tahun kepada 69 tahun bagi lelaki dan 58.2 tahun kepada 73.5 tahun bagi wanita bagi tempoh yang sama.

Kementerian Kesihatan telah mengagihkan perkhidmatan pakar bagi membolehkan lebih banyak penduduk menikmati perkhidmatan dan penjagaan kesihatan, kata beliau.

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan pembedahan, perubatan, perbidanan dan pinaekologi kini terdapat di hospital-hospital daerah.

Kementerian beradang menawarkan perkhidmatan separa pakar di hospital-hospital besar di samping memajukan Hospital Besar Kuala Lumpur sebagai Hospital Rujukan Kebangsaan, kata beliau.

Beliau berkata, latihan lanjutan siswazah bagi doktor kini diadakan di negara ini di samping menghantar mereka ke seberang laut supaya program pembesaran tidak tejejas akibat kekurangan pakar bius. —